

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI JABATAN
PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SABAH

SHIRLEY BINTI JOSEPH

JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
2006

3427

1100045592

Perpustakaan
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)



LI 54 FPE 2 2006



1100045592

1100045392
Laporan akhir latihan industri di Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah / Shirley Joseph.

PERPUSTAKAAN

**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU**

1100045592

Lihat sebelah



LE
54
DE

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM NEGERI
SABAH**

Disediakan Oleh:

**SHIRLEY BINTI JOSEPH (UK9504)
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL)**

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI
DISERAHKAN KEPADA:**

**JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI
MALAYSIA
(KUSTEM)**

2006

1100045592

Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya Shirley Binti Joseph mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.


Tandatangan



Nama: SHIRLEY BINTI JOSEPH

Tarikh: 02 NOVEMBER 2006

Disahkan oleh:



Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

KUSTEM

PENGHARGAAN

Bersyukur saya kepada Tuhan kerana dengan keizinan-Nya telah memberikan kekuatan kepada saya untuk menyiapkan Laporan Akhir Latihan Industri ini.

Setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri (JPAN) Sabah tempat di mana saya menjalankan Latihan Industri kerana telah menerima penempatan saya untuk menjalankan Latihan Industri selama 12 minggu.

Jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada Puan Susan Jill Chin Han, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan, Penolong Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan iaitu Encik Mat Jaidin Hj. Mohd Yassin yang juga selaku penyelia industri sepanjang saya menjalankan latihan industri di jabatan ini, Puan Elizabeth Evaristus sebagai Penolong Pengarah Unit Latihan, Encik Norsih Nusuri dan juga kakitangan-kakitangan JPAN yang mana telah memberikan kerjasama dari segi peralatan, sokongan, tunjuk ajar bagi membolehkan saya menjalankan latihan industri ini dalam suasana kekeluargaan serta memberansangkan.

Penghargaan yang tidak terhingga juga saya tujuarkan kepada pihak Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) yang banyak membantu saya semasa proses penempatan untuk menjalani latihan industri di JPAN Sabah, Encik Syahrin Bin Said selaku Penyelaras Latihan Industri dan juga Penyelia Latihan Industri, Puan Wan Norhayati selaku pensyarah yang telah datang melawat saya ke JPAN Sabah untuk pemantauan Latihan Industri di

JPAN, dan juga kakitangan-kakitangan KUSTEM yang terlibat. Buat keluarga tercinta, terima kasih di atas nasihat, dorongan dan doa yang kalian kalungkan.

Akhir sekali kepada rakan-rakan praktikal dan teman-teman seperjuangan yang lain yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung sepanjang saya menjalankan latihan industri ini, terima kasih banyak dan semoga kita akan memperoleh kejayaan.

Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

	MUKA SURAT
MUKA SURAT TAJUK	i
SURAT PENGESAHAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ISI KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	viii
RINGKASAN EKSEKUTIF	ix
 BAB 1 PENGENALAN ORGANISASI	
1.0 Pengenalan	1
 1.1 Sejarah Organisasi	2
 1.1.1 Latar Belakang Organisasi	4
 1.1.2 Kedudukan Organisasi	7
 1.1.3 Objektif, Visi dan Misi Organisasi	8
 1.1.4 Slogan Q	8
 1.1.5 Dasar Kualiti	8
 1.1.6 Piagam Pelanggan	8
 1.1.7 Rekod Kualiti Objektif Q	10
 1.1.8 Komposisi Kakitangan JPAN	11
 1.1.9 Pengarah JPAN	12
 1.2 Maklumat Organisasi	13
 1.2.1 Logo Organisasi	13
 1.3 Carta Organisasi	14
 1.4 Aktiviti Organisasi	15
 1.5 Kemahiran Yang Dipelajari	41

1.6 Kekuatan Organisasi	42
BAB 2 PENILAIAN SISTEM	
2.0 Pengenalan	44
2.1 Analisa Sistem Kerja	45
2.1.1 Sistem Fail Manual	45
2.1.2 Pengenalpastian Masalah Di Dalam Sistem	46
2.1.3 Cadangan Penyelesaian Masalah	47
2.2.1 Sistem Pendaftaran Nama Fail Peribadi	48
Anggota Ke Dalam Komputer	
2.2.2 Pengenalpastian Masalah Di Dalam Sistem	50
2.2.3 Cadangan Penyelesaian Masalah	50
2.3.1 Sistem Penyediaan Baucer Pembayaran	51
2.3.2 Pengenalpastian Masalah Di Dalam Sistem	54
2.3.3 Cadangan Penyelesaian Masalah	54
BAB 3 PENUTUP	55
RUJUKAN	59
LAMPIRAN	60

SENARAI JADUAL

JADUAL

MUKA SURAT

1 Unit Yang Ditubuhkan Mengikut Tahun

4

SENARAI RAJAH

RAJAH		MUKA SURAT
1	Bangunan Wisma Perindustrian di mana terletaknya Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah	7
2	Logo Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah	13
3	Carta Organisasi Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah	14
4	Aliran Kerja Sistem Fail Manual	46
5	Aliran Kerja Sistem Pendaftaran Nama Fail Peribadi Anggota Ke Dalam Komputer	49
6	Aliran Kerja Sistem Penyediaan Baucer Pembayaran	53

RINGKASAN EKSEKUTIF

Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri (JPAN) Sabah pada awal penubuhannya dikenali sebagai Pejabat Perjawatan iaitu merupakan satu pejabat kecil di bawah pentadbiran Jabatan Ketua Menteri. Pada tahun 1974, ia telah dinaikkan taraf menjadi Bahagian Perjawatan Negeri dan seterusnya dinakkan taraf menjadi sebuah jabatan di bawah Jabatan Ketua Menteri pada 1 Ogos 1994. Objektif JPAN Sabah ialah “Memastikan Perkhidmatan Awam Negeri Mempunyai Organisasi Yang Mantap”. Visi JPAN Sabah ialah “Menjadi Jabatan Yang Unggul”. Manakala Misi JPAN Sabah pula ialah “Memiliki Anggota Yang Berintegriti Dengan Sistem Yang Efektif dan Dinamik”. JPAN Sabah merupakan agensi pusat bagi kakitangan kerajaan yang bertanggungjawab untuk merumus dan melaksanakan segala dasar kakitangan yang berhubung dengan pengurusan di dalam agensi-agensi awam, kebijakan pekerja, urusan pentadbiran dan gaji, perkara-perkara perjawatan serta menentukan skim-skim perkhidmatan.

Sepanjang cuti antara semester iaitu mulai 17 April 2006 sehingga 9 Julai 2006, para pelajar di bawah Program Sarjana Muda Pengurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial), Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) telah menjalani Latihan Industri yang merupakan syarat wajib untuk memenuhi jam kredit program selama 12 minggu. Objektif utama untuk menjalankan Latihan Industri adalah untuk memberikan pendedahan kepada para pelajar bagaimana situasi sebenar dalam alam pekerjaan serta membolehkan para pelajar untuk mengaplikasikan teori dan konsep yang pernah dipelajari sebelumnya.

Sepanjang menjalani Latihan Industri, pelajar telah mempelajari banyak kemahiran dalam proses menjalani tugas-tugas yang berhubung dengan pengurusan, memperolehi pengetahuan menerusi ceramah-ceramah serta kemahiran bagi melaksanakan tugas-tugas tertentu. Malahan, pelajar turut berpeluang untuk mempelajari kemahiran untuk berkomunikasi antara

kakitangan-kakitangan JPAN Sabah di mana pelajar telah ditempatkan di Bahagian Khidmat Pengurusan.

Selain daripada kemahiran, pelajar juga mempelajari sejarah dan latar belakang organisasi, objektif, visi dan misi serta aktiviti utama organisasi. Di samping itu, pelajar juga mengesan serta menganalisis sistem sedia ada, permasalahan dan cadangan penyelesaian berhubung dengan sistem kerja yang telah dipelajari.

Bilangan pekerja yang ramai dan adanya pengkhususan kerja di kalangan kakitangan membolehkan tugas pentadbiran dan pengurusan dapat dijalankan dengan lancar, sistematik dan teratur. Walaupun wujud kelemahan namun kelemahan yang wujud tidaklah begitu ketara kerana kekuatan organisasi adalah mewujudkan tenaga kerja yang mengamalkan tonggak dua belas iaitu Peningkatan Bakat, Menikmat Mencipta, Menghargai Masa, Ketekunan Membawa Kejayaan, Keseronokan Bekerja, Kemuliaan Kesederhanaan, Ketinggian Peribadi, Kekuatan Sifat Baik, Pengaruh Teladan, Kewajipan Menjalankan Tugas, Kebijaksanaan Berhemat dan Keutuhan Kesabaran.